

DAP mahu polis bertindak atas fitnah Pulau Pinang tubuh negeri Kristian Malaysian Insider

Oct 7 , 2013

OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

DAP mempersoalkan mengapa akhbar milik Umno, Utusan Malaysia dan kumpulan dalam parti terbesar Melayu itu tidak diambil tindakan ekoran penipuan serta menyebarkan propaganda bahawa DAP mahu menubuhkan negeri Kristian di Pulau Pinang.

Setiausaha Agung, Lim Guan Eng (gambar) berkata DAP menyokong penuh kritikan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pihak yang mendakwa DAP menyebarkan fahaman Kristian dan mahu menubuhkan negeri berdasarkan kepercayaan agama itu di Pulau Pinang.

"DAP konsisten menolak sebarang penubuhan negeri berdasarkan ideologi termasuk menolak negeri berdasarkan fahaman agama Kristian.

"Kenyataan sedemikian tidak benar sama-sekali kerana saya dan DAP menyatakan sokongan tidak berbelah-bahagi terhadap agama Islam sebagai agama persekutuan sebagaimana tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Penipuan yang disebarkan oleh kumpulan dalam Umno dan Utusan Malaysia terhadap DAP adalah satu tuduhan tidak berasas kerana tiada salahnya mengadakan pertemuan tertutup dengan paderi Kristian kerana pertemuan sama juga pernah diadakan bersama kumpulan agama Islam," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lim berkata siasatan polis telah membuktikan pertemuan tertutup melibatkan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi untuk membentuk negeri Kristian adalah tidak benar.

Katanya, meskipun polis telah menutup laporan yang dikemukakan oleh kumpulan dalam Umno itu, namun tiada tindakan yang diambil terhadap kumpulan yang tidak bertanggungjawab itu menyebarkan fitnah.

Media melaporkan Anwar mengutuk pihak yang menimbulkan dakwaan bahawa DAP cuba menyebarkan fahaman Kristian di Pulau Pinang serta menafikan tiada usaha seperti itu pernah dilakukan.

Anwar berkata jika perkara sebegitu berlaku di Pulau Pinang, PAS dan PKR tidak akan membenarkannya sambil menggesa hubungan baik antara kaum dan agama perlu dipelihara dan akan memikul tanggungjawab memastikan perkara itu.

Katanya, mana-mana kumpulan yang ingin membangkitkan sentimen kaum dan agama perlu ditolak, walaupun mereka daripada masyarakat Islam.

DAP sebelum ini didakwa cuba mengadakan rancangan untuk menubuhkan negara Kristian apabila beberapa orang wakilnya menghadiri pertemuan tertutup dengan paderi Kristian.

Beberapa laporan polis dibuat ke atas DAP dan paderi tersebut dan kes berkenaan kemudiannya ditutup tanpa apa-apa tindakan ke atas mana-mana pihak.- 7 Oktober, 2013

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mahu-polis-bertindak-atas-fitnah-pulau-pinang-tubuh-negeri-kristian>